



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERUSAHA TUAN SHAHRULNIZAD BIN ABDUL**  
**RAZAK**  
**PEMANGKU SETIAUSAHA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**PROGRAM KEMPEN ANJING TERBIAR 2024**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**

**28 JULAI 2024 (AHAD)**

**11.00 PAGI**

**DEWAN KOMUNITI MACHANG BUBUK**  
**MACHANG BUBUK**  
**BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Lee Khai Loon**

ADUN Machang Bubuk

**Yang Dihormati**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Pn Normahani Binti Muhammad**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

\*\*\*\*\***TAMAT**\*\*\*\*\*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam **Program Kempen Anjing Terbiar 2024 di Dewan Komuniti Machang Bubok, Bukit Mertajam.**
2. Terlebih dahulu, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lee Khai Loon, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Macang Bubok, kerana sudi hadir untuk merasmikan **Program Kempen Anjing Terbiar 2024** ini. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; warga kerja MBSP; NGO, wakil MPKK; penduduk-penduduk setempat di Machang Bubok, dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia dan semua jabatan yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini.
3. Kempen Pengurusan Anjing Terbiar 2024 adalah satu kempen di bawah inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan memberi peruntukan sebanyak RM 15,000.00 kepada setiap PBT yang terlibat.

4. MBSP telah memilih untuk membuat satu program yang merangkumi penglibatan NGO, MPKK, orang awam dan jabatan dalaman MBSP yang mana menerapkan aktiviti berkonsepkan pendidikan kepada orang awam dalam usaha mengawal populasi anjing terbiar di Seberang Perai.
5. Program ini melibatkan antara agensi-agensi kerajaan, NGO, MPKK dan komuniti setempat yang menjayakan projek *TNRM-CE (T-TRAP, N-NEUTER, R-RELEASE, M-MANAGE & CE-COMMUNITY ENGAGEMENT)* di lokaliti Machang Bubuk.
6. Objektif Program adalah untuk:-
  - i. Memupuk Kesedaran (Individu) untuk:-
    - a. Mendorong individu untuk menguruskan anjing pemeliharaan dengan cara yang betul;
    - b. Tidak melepaskan anjing berkeliaran tanpa pemantauan rapi daripada pemilik; dan
    - c. Mengelakkan pengabaian haiwan seperti tidak memberi makan atau tempat tinggal yang baik, memukul atau

mencederakan serta membuang anjing pemeliharaan kawasan awam bila jumlah melebihi kemampuan atau tidak lagi diperlukan.

- ii. Memupuk Tanggungjawab (Masyarakat) untuk:-
    - a. Menguruskan anjing terbiar di lokaliti tertentu dengan cara yang betul sebagai contoh bersihkan kawasan pemberian makanan selepas memberi makan, elakkan kacau ganggu di kawasan tumpuan awam.
    - b. Menggalakkan pemandulan anjing bagi mengawal populasi berlebihan dalam jangka masa panjang
  - iii. Mempromosi Pelesenan Anjing MBSP
    - a. Memudahkan pemilik mendapatkan lesen anjing secara walkin semasa program berlangsung
    - b. Menggalakkan pemilik anjing melesenkan anjing yang dipelihara mengikut syarat-syarat yang ditentukan
7. MBSP telah memilih Machang Bubuk sebagai kawasan di mana projek rintis TNR-M & CE dilaksanakan. NGO telah menunjukkan komitmen yang baik dalam bekerjasama dalam menangani isu anjing liar di lokaliti tersebut di peringkat permulaan sebelum bermula secara rasmi. MBSP juga akan bergiat aktif dalam menjalankan pemandulan anjing terbiar bagi mengawal populasi anjing di Machang Bubuk.

8. Di antara aktiviti-aktiviti yang akan diadakan pada hari in adalah:-
- i. *Dog Gathering.*
  - ii. *Dog Fashion Show*
  - iii. Perkongsian cara pengurusan Haiwan Kesayangan serta kepentingan pemandulan haiwan kesayangan.
  - iv. Pelesenan Anjing MBSP
  - v. Pendaftaran Pemandulan Bersubsidi
  - vi. Jualan Vendor Haiwan Kesayangan.
9. Kempen Anjing Terbiar 2024 ini diharap dapat menarik dan memupuk penglibatan komuniti setempat untuk mengurangkan populasi anjing terbiar di dalam kawasan sekitar Machang Bubuk. Pemerksaan peranan komuniti terhadap isu anjing terbiar sangat penting kerana dapat membantu MBSP dalam mengurangkan aduan kacau ganggu, sekali gus meningkatkan tahap kesedaran orang ramai tentang tanggungjawab pemilik anjing peliharaan bersama komuniti setempat.
10. Akhir kata, MBSP berharap agar Program Kempen Anjing Terbiar 2024 ini berjaya menyebarkan maklumat tentang isu haiwan terbiar dan peranan yang boleh disumbangkan oleh komuniti bersama MBSP.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***